

**TAHAP PENCAPAIAN PELAJAR DALAM PROGRAM PLUS TAHFIZ UiTM
STUDENT ACHIEVEMENT LEVEL IN PROGRAM PLUS TAHFIZ UiTM**Muhammad Syukri Mohd Ashmir Wong^{1*}, Mohammad Fahmi Abdul Hamid², Khairul Azhar Meerangani³¹ Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, 40450, Selangor, Malaysia, syukri@itm.edu.my² Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah, 78000, Melaka, Malaysia, fahmihamid@uitm.edu.my³ Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah, 78000, Melaka, Malaysia, azharmeerangani@uitm.edu.my

* Penulis penghubung

Artikel diterima: 22 Mac 2022

| Selepas Pembetulan: 16 April 2022

| Diterima untuk terbit: 25 Mei 2022

Abstrak

Program Plus Tahfiz UiTM adalah program dibawah kursus Kokurikulum yang ditawarkan bagi pelajar lepasan pengajian tahfiz di seluruh negara yang melanjutkan pengajian akademik dalam pelbagai bidang profesional di UiTM. Program tersebut bertujuan membuka ruang kepada pelajar aliran tahfiz yang melanjutkan pengajian di UiTM untuk terus konsisten dalam mempertahankan hafazan walaupun berada dalam pelbagai bidang pengajian di UiTM sama ada peringkat Diploma atau Ijazah Sarjana Muda. Program ini ditubuhkan pada September 2018 dan lepasan kohort pertama Plus Tahfiz UiTM telah berjaya menamatkan program ini. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk mengetengahkan tahap pencapaian pelajar kumpulan pertama yang mengikuti program Plus Tahfiz UiTM sebagai petunjuk awal kejayaan pelaksanaan program ini. Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini adalah kualitatif iaitu melalui analisis dokumen berkaitan program Plus Tahfiz UiTM, rekod hafazan pelajar dan Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) pelajar. Dapatan menunjukkan suatu pencapaian positif untuk kumpulan pertama pelaksanaan program Plus Tahfiz UiTM dengan penyertaan seramai 226 orang pelajar, yang mana 181 orang pelajar dari pengajian peringkat Diploma, dan 45 orang dari pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda. Kedua-dua sesi pengajian ini juga menunjukkan suatu tahap pencapaian yang baik apabila seramai 72% pelajar berjaya memperoleh keputusan purata CGPA 3.00 hingga 4.00.

Kata kunci

Program, Plus Tahfiz UiTM, Kokurikulum, Huffaz Profesional

Abstract

Program Plus Tahfiz UiTM is a program under the co-curriculum course offered to tahfiz graduates nationwide who pursue academic studies in various professional fields at UiTM. The program aims to open space for tahfiz students who continue their studies at UiTM to continue to be consistent in maintaining memorization despite being in various fields of study at UiTM whether at the Diploma or Bachelor's Degree level. The program was established in September 2018 and the first cohort of Plus Tahfiz UiTM graduates have successfully completed the program. Therefore, this article aims to highlight the level of achievement of the first group of students who follow the Program Plus Tahfiz UiTM as an initial indicator of the success of the implementation of this program. The approach used in this study is qualitative through the

analysis of documents related to the Plus Tahfiz UiTM program, students' memorization records and students' Cumulative Grade Point Average (CGPA). The findings show a positive achievement for the first group of the implementation of the Plus Tahfiz UiTM program with the participation of 226 students, of which 181 students are from Diploma level studies, and 45 people are from Bachelor's Degree level studies. Both of these study sessions also showed a good level of achievement when as many as 72% of the students managed to obtain an average CGPA result of 3.00 to 4.00.

Keywords

Program, Plus Tahfiz UiTM, Cocurriculum, Huffaz Professional

1.0 Pengenalan

Pendidikan al-Quran merupakan salah satu bidang teras dalam agama Islam. Ianya bermula dengan pembelajaran asas mengenal huruf hijaiyah, mengeja, membaca dan mempelajari hukum tajwid, serta mengkhatamkan al-Quran. Pendedahan tahap awal pendidikan al-Quran ini sebagai asas utama yang perlu diperkukuhkan sebelum meneroka tentang ilmu al-Quran yang lain (Murihah et.al, 2015). Matlamat terpenting dalam pendidikan al-Quran ialah supaya terdidiknya manusia dalam pengabdian diri kepada Allah SWT.

Pendidikan tahfiz al-Quran pula sebagai salah satu daripada cabang pendidikan al-Quran yang mana menekankan pembelajaran al-Quran itu dengan teknik hafalan. Hafalan adalah merupakan proses yang digunakan untuk menyimpan pengetahuan (Ab. Fatah, 1994). Menghafaz memerlukan suatu kekuatan fikiran pada orang yang melakukannya. Sementara menghafaz sesuatu yang dipelajari dan mengasah ingatan melalui hafalan adalah cara yang paling baik untuk mengekalkan ingatan dan kecerdasan otak. Dipercayai pada era globalisasi kini, pembelajaran al-Quran secara hafalan mampu melahirkan generasi al-Quran yang dikenali sebagai hafiz, alim, da'i dan profesional (Ab. Fatah, 1994).

Pasca Kemerdekaan Tanah Melayu memberi nafas baru dalam pendidikan tahfiz apabila ianya mula dipusatkan dan dilibatkan secara formal oleh kerajaan dalam arus perdana sistem pendidikan negara (Solahuddin, 2016). Pada tahun 1960, penganjuran Ujian Tilawah al-Quran Kebangsaan telah memberi cadangan dan idea agar pendidikan tahfiz negara dilaksanakan secara sistematik, tersusun dan bersifat formal. Kemudian pada tahun 1966 akhirnya pendidikan tahfiz telah diangkat secara rasmi oleh kerajaan persekutuan dengan penubuhan Program Pengajian Tahfiz al-Quran di Masjid Negara Kuala Lumpur yang dikelolakan oleh Jawatankuasa Tadbir Masjid Negara dan Urusetia Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Seterusnya telah dinaiktaraf menjadi Maahad Tahfiz wal Qiraat pada tahun 1972 hingga kepada perubahan nama kepada Darul Quran pada tahun 1998 yang digunakan sehingga kini. (Solahuddin, 2016).

Seterusnya suatu perkembangan baik dilihat melalui penubuhan Pusat Pengajian Tahfiz di negeri seluruh Malaysia seperti di Kelantan pada tahun 1979, Terengganu, Perak, Kedah, Perlis dan Selangor pada tahun 1980, Negeri Sembilan Melaka, Pahang dan Sabah awal 1990 dan Johor dan Pulau Pinang pada tahun 1996 (Noor Hisham Md Nawi et.al, 2014). Usaha-usaha yang dilakukan kerajaan ini boleh dilihat sebagai suatu pengiktirafan kepada golongan penghafaz al-Quran. Melihat kepada kemajuan

pendidikan tahfiz di Malaysia menunjukkan peningkatan trend yang positif pada hari ini yang mana umat Islam khususnya di Malaysia telah sedar akan keberkesanan dan kebaikan dalam aliran ini. Hal ini juga telah mendorong ibu bapa untuk menempatkan anak mereka ke sekolah beraliran tahfiz (Ulwan, 2005). Selain itu, tahap kesedaran dalam kalangan masyarakat terhadap pendidikan aliran tahfiz dilihat juga sangat tinggi ekoran apabila ibu bapa yang giat mencari rezeki ekoran kenaikan kos sara hidup sanggup menghantar salah seorang atau setiap orang daripada anak-anak mereka untuk belajar dalam aliran tahfiz (Muhammad Zulazizi et. al, 2021). Bukan itu sahaja, ramai kalangan ibu bapa pada hari ini bukan sahaja menggalakkan anak-anak ke tahfiz bahkan ada sampai tahap yang memaksa anak mereka agar dapat menunaikan cita-cita mereka yang dahulunya mereka sendiri tidak dapat dilaksanakan untuk menjadi seorang penghafaz al-Quran dan menyebabkan ibu bapa mendorong agar anak-anak memilih sekolah tahfiz yang telah ditentukan mereka (Kamarudin, 2017).

Perkembangan pendidikan aliran tahfiz ini semakin menunjukkan peningkatan yang positif apabila aliran ini juga mula menembusi Institusi Pengajian Tinggi Awam atau Swasta yang bukan memfokuskan aliran keagamaan antaranya seperti Sijil Tahfiz Universiti Multimedia Kampus Cyberjaya dan Melaka (Universiti Multimedia, 2021), Sijil Tahfiz Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) (Uniten, 2021), Sijil Tahfiz Universiti Teknikal Malaysia Melaka UTeM (UTeM, 2021), Sijil Tahfiz Ulul Albab Univerisiti Malaysia Pahang (UMP, 2018), dan Sijil Tahfiz Ulul Albab Universiti Kuala Lumpur (UniKL, 2021). Situasi ini juga dapat dilihat di UiTM iaitu melalui penubuhan Program Plus Tahfiz Universiti Teknologi MARA dibawah kursus kokurikulum yang telah ditubuhkan pada September 2018 (UiTM 2018a).

Objektif utama program ini adalah platform bagi pelajar tahfiz untuk mempertahankan dan mempertingkatkan tahap hafazan disamping untuk mewujudkan persekitaran al-Quran bagi pelajar lepasan tahfiz yang mengikuti pelbagai bidang pengajian di UiTM agar pelajar tersebut terus konsisten dalam hafazan al-Quran mereka. Penawaran program ini adalah bagi mereka yang telah mendaftar sebagai pelajar UiTM di peringkat Diploma dan Sarjana Muda UiTM sepenuh masa. Program Plus Tahfiz UiTM ini menawarkan lima kursus kokurikulum dibawah program ini iaitu HKR 119 Tahfiz al-Itahah, HKR 129 Tahfiz al-Imkaniyyah, HKR 139 Tahfiz al-Itmam, HKR 149 Tahfiz al-Itqan dan HKR 159 Tahfiz al-Isti'ab. Melihat kepada keperluan ini, pihak UiTM telah mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan program Plus Tahfiz UiTM. (UiTM,2018b).

Program Plus Tahfiz UiTM merupakan program yang selaras dengan aspirasi Dasar Pendidikan Tahfiz yang diilhamkan oleh mantan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada tahun 2018. Aspirasi ini disahut oleh pihak UiTM melalui Naib Canselornya pada ketika itu iaitu Prof. Emeritus Datuk Dr. Hassan Said dengan membuka peluang kepada para pelajar lepasan sekolah tahfiz di seluruh negara untuk melanjutkan pengajian mereka di peringkat lebih tinggi di UiTM

Program ini mula dilaksanakan pada pengambilan kemasukan pelajar semester September 2018. Pada awal permulaan program, hanya berjalan di beberapa buah kampus sahaja antaranya Shah Alam, Kuala Pilah, Tapah, Dungun dan Pasir Gudang. Namun pada 2019, pengambilan pelajar dan kebersediaan kampus-kampus cawangan mula bergerak bersama dalam menawarkan program plus tahfiz di kampus-kampus cawangan UiTM di seluruh Malaysia.

Bagi memastikan program dapat berjalan dengan lancar, UiTM turut menjalankan kerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) serta maahad tahfiz di bawah kerajaan negeri, Sekolah-sekolah agama aliran tahfiz dan Gabungan Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Kebangsaan (PINTA) bagi memastikan program ini terus mendapat sokongan dari pelbagai pihak dalam memastikan program yang sistematik ini dapat dijalankan secara berterusan dalam melahirkan graduan UiTM huffaz dan profesional sebagai penggerak dalam masyarakat. Justeru, melihat kepada kepentingan kajian untuk memperkenalkan program Plus Tahfiz UiTM, maka kajian ini mengetengahkan tahap pencapaian pelajar kumpulan pertama yang mengikuti program Plus Tahfiz UiTM sebagai dapatan awal pelaksanaan program ini di UiTM.

2.0 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kaedah analisis dokumen bagi memenuhi objektif kajian. Analisis dokumen adalah sebahagian kaedah pengumpulan data penyelidikan dari analisis kandungan. Analisis kandungan adalah deskripsi objektif maklumat komunikasi yang telah dicetak, disiarkan atau digambarkan (Kamarul Azmi Jasmi, 2012). Dengan kata lain, bahagian mesej boleh didengar, diperoleh dan dilihat dengan merujuk kandungan teks pada perkataan, maksud, gambar, simbol, idea, tema, atau apa-apa sahaja mesej yang telah dikomunikasikan atau dicetak (Sabitha Marican, 2009). Proses analisis dokumen yang dijalankan dalam kajian ini adalah merujuk kepada sumber-sumber primer iaitu dokumen-dokumen berkaitan Program Plus Tahfiz UiTM, rekod hafazan pelajar dan Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) pelajar sebagai dokumen asas dalam penyelidikan ini.

3.0 Pengenalan Struktur Program Plus Tahfiz UiTM

Program Plus Tahfiz adalah kursus kokurikulum ber kredit iaitu bersamaan 5 jam kredit yang ditawarkan kepada pelajar semester satu yang memohon untuk mengikuti Program Plus Tahfiz. Pelajar yang ditawarkan untuk kemasukan Program Plus Tahfiz adalah berdasarkan kepada rekod pendidikan aliran tahfiz sebelum memasuki UiTM.

Program Plus Tahfiz ini sepenuhnya diurus tadbir oleh Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) bersama dengan Pusat / Unit Kokurikulum. Kewujudan program ini selari dengan Dasar Pendidikan Tahfiz negara yang mana bertujuan untuk melahirkan sejumlah golongan huffaz profesional yang mampu menguasai pelbagai disiplin ilmu sekaligus melengkapkan sebahagian sasaran Program Transformasi Nasional 2050 (TN50).

Dalam usaha untuk menghasilkan suatu program aliran tahfiz yang baik dan berkesan, satu garis panduan pelaksanaan Program Plus Tahfiz telah diwujudkan. Garis panduan ini bertindak sebagai panduan dalam segenap aspek pengurusan dan pelaksanaan Program Plus Tahfiz ini, yang mana terpakai bagi semua program pengajian sepenuh masa di peringkat Diploma dan Sarjana Muda di Fakulti/Pusat Akademik/UiTM Cawangan. (UiTM, (2017). Dari sudut struktur program, terdapat lima kursus yang perlu dipenuhi mengikut keperluan status kursus yang telah ditetapkan. Ini dapat dilihat pada jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Pelan Pelaksanaan Kurikulum Kokurikulum di Bawah Program Plus Tahfiz

| Semester 1 | Semester 2 | Semester 3 | Semester 4 | Semester 5 | Status Kursus |
|--------------------------------|------------------------------------|-------------------------------|-------------------------------|---------------------------------|---------------|
| | HKR129 Tahfiz Al- Imkaniyyah | HKR139 Tahfiz Al- Itmam | | | Gred |
| HKR119 Tahfiz Al- Itahah | | | HKR149 Tahfiz Al- Itqan | HKR159 Tahfiz Al- Isti'ab | Lulus/Gagal |

Sumber: UiTM (2018b)

Dari sudut pelaksanaan silibus program, penetapan terhadap tujuh modul silibus yang perlu pelajar ikuti bagi membantu para pelajar mengulang hafazan Al-Quran dari Juzuk pertama (1) sehingga Juzuk ketiga puluh (30). Penekanan diberikan dari aspek hukum tajwid dan teknik hafazan. Pelajar juga akan dinilai dari segi kelancaraan bacaan syafawi (lisan) dan tahriri (bertulis). Program plus tahfiz menggunakan beberapa modul yang diterapkan dalam sukatan bagi setiap semester. Ini dapat dilihat pada jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Silibus Program Plus Tahfiz

| No | Modul |
|----|-------------------------|
| 1 | Al-Quran Syafawi |
| 2 | Al-Quran Tahriri |
| 3 | Ilmu Tajwid |
| 4 | Adab Penghafaz Al-Quran |
| 5 | Kaedah Bacaan Gharib |
| 6 | Patriotisme |
| 7 | Khidmat Kemasyarakatan |

Sumber: UiTM, (2019a)

Kaedah pembelajaran dan pengajaran modul-modul yang dilaksanakan di dalam Program Plus Tahfiz menggunakan dua pendekatan. Yang pertama melalui kaedah pembelajaran secara langsung. Bagi modul Al-Quran Syafawi, Al-Quran Tahriri, Ilmu tajwid, Adab penghafaz Al-Quran dan Kaedah Bacaan Gharib, modul-modul ini diajar oleh pentasmi' secara serentak semasa proses menghafaz. Ini disebabkan proses hafazan akan menggabungkan modul-modul berikut secara kolektif dalam bacaan bagi tujuan hafazan.

Manakala, bagi kaedah kedua pembelajaran di buat secara tidak langsung dimana modul Patriotisme dan Khidmat Kemasyarakatan akan dibuat secara khusus mengikut tatacara garis panduan yang disediakan oleh Pihak Kokurikulum UiTM. Tujuan modul ini dimasukkan dalam modul program plus tahfiz adalah dalam usaha untuk membina karakter mahasiswa huffaz yang bukan sahaja mantap dari sudut hafazan tetapi mempunyai kemahiran insaniah, nilai jati diri cintakan negara dan menyumbang kepada pembangunan masyarakat.

Gabungan dua teras modul iaitu modul al-Quran dan modul pembinaan kemahiran insaniah ini dilihat mampu mempersiapkan mahasiswa huffaz yang lebih bersifat dinamik selaras dengan keperluan semasa dalam melahirkan huffaz professional di UiTM.

Hasil pembelajaran dibahagikan mengikut kursus-kursus yang telah ditetapkan. Selepas melengkapkan setiap kursus, pelajar diharapkan mampu untuk mencapai objektif bagi setiap kursus. 3 kategori objektif pembelajaran yang digunakapakai dalam sukatan Plus Tahfiz. Pertama, dalam setiap kursus, HKR119 hingga HKR159, mahasiswa akan memperdengarkan hafazan al-Quran sebanyak 6 juzuk setiap semester secara bertajwid disamping mahir dalam penulisan al-Quran mengikut kaedah Rasm Uthmani. Bagi kod kursus yang hanya melibatkan penilaian Lulus/Gagal iaitu HKR119, HKR149 dan HKR159, objektif silabus adalah seragam. UiTM, (2019a)

Kedua, bagi kursus HKR129 & HKR139, mahasiswa akan terlibat dengan modul patriotisme. Modul ini bertujuan memupuk dan membentuk jati diri mahasiswa UiTM bagi cinta dan sayangkan negara Malaysia. Modul ini juga memberi kesedaran dan pengetahuan tentang kepentingan untuk cintakan negara. Modul ini turut memberi penekanan terhadap peranan dan tanggungjawab mahasiswa UiTM di dalam meneruskan kedaulatan negara Malaysia. UiTM, (2018c)

Ketiga, khusus bagi kursus HKR139, mahasiswa akan didedahkan dengan pelaksanaan program khidmat masyarakat. Program Service-Learning Malaysia-Universiti for society (SULAM) merupakan aktiviti kesukarelawanan pelajar melalui kursus kurikulum atau kokurikulum berkredit yang melibatkan aktiviti pemindahan ilmu daripada pelajar kepada masyarakat bagi pembangunan komuniti sekitar universiti.

Oleh itu, kursus kokurikulum berkredit peringkat lanjutan yang perlu diambil oleh pelajar semester 3 dan kod kursus HPD133 (khidmat masyarakat) peringkat asas adalah kursus yang didaftarkan sebagai kursus SULAM-Service Learning Malaysia-University for Society dan pelaksanaannya melibatkan komuniti. Bagi kursus HKR129 & HKR139 dua semester ini akan melibatkan penilaian gred. (UiTM,2021a)

Jadual 3: Sinopsis Kursus Program Plus Tahfiz

| No | Sinopsis Kursus | Kod Kursus |
|----|---|---------------------------------|
| 1 | Memperdengarkan hafazan 6 juz Al-Quran mengikut sukatan setiap semester dan mempelajari penulisan Alquran menggunakan teknik tulisan Rasm Uthmani | Setiap Kursus HKR119- HKR159 |
| 2 | Mempamer semangat kerjasama dengan mengambil kira peranan yang bersilih ganti diantara ketua dan ahli kumpulan serta mengambil kira pandangan pihak lain melalui aktiviti patriotisme. Menunjukkan pengetahuan asas kepimpinan serta kepimpinan berkesan sehingga tercapainya objektif yang disasarkan di dalam aktiviti patriotism | HKR129 & HKR139 |
| 3 | Mempamerkan sikap menghormati, kesedaran sendiri dan tanggungjawab sosial melalui aktiviti | HKR139 |

khidmat komunitiMempamerkan sikap kesukarelaan
terhadap komuniti melalui aktiviti khidmat komuniti

Sumber: UiTM, (2019)

3.1 Kaedah Penilaian Pelajar Program Plus Tahfiz

Pelajar yang mengikuti kursus kokurikulum Plus Tahfiz akan mengikut program ini selama lima semester. Bagi lima kod yang didaftarkan, dua kod kursus pada semester kedua dan ketiga akan diambil kira di dalam Nilai Purata Gred Kumulatif (CGPA), manakala bagi tiga semester selebihnya akan diberikan status Lulus/Gagal sahaja.

Penilaian kursus ini akan meliputi penilaian berterusan, ujian lisan (syafawi), ujian bertulis (tahriri), persembahan berkumpulan dengan penekanan ilmu tentang Al-Quran dan kemahiran kerohanian. Keseluruhan akan melibatkan penilaian berterusan. Penilaian Lulus / Gagal hanya pada semester satu, empat dan lima manakala ujian lisan dan ujian bertulis pada semester dua dan tiga.

Melihat kepada pelaksanaan penilaian akhir, ia dijalankan oleh pentasmik dalam proses menilai tahap dan kualiti hafazan pelajar. Penilaian dengan gred bagi kursus ini terbahagi kepada dua bahagian dan dilaksanakan di semester dua dan semester tiga sahaja iaitu Ujian Lisan (Al-Quran Syafawi) dan Ujian Bertulis (Al-Quran Tahriri) yang dijalankan pada minggu ke 13 dan minggu 14. Bagi ujian penilaian pertama iaitu ujian lisan al-Quran atau dikenali sebagai ujian syafawi dijalankan bertujuan untuk menguji tahap hafazan dan kualiti hafazan pelajar. Sukatan ujian lisan berdasarkan kepada jumlah hafazan pelajar yang direkodkan bukannya berdasarkan sukatan yang ditetapkan iaitu 6 juzuk setiap semester. Pemilihan ayat hafazan yang akan diuji adalah terbuka kepada pensyarah tasmik atau pemeriksa dengan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan iaitu dengan tiga bentuk soalan pertama soalan daripada awal muka surat , kedua soalan daripada awal surah dan ketiga soalan daripada mana-mana bahagian. Bagi jumlah bacaan jawapan daripada soalan yang diajukan pula, setiap pelajar hendaklah mencapai sekurang-kurangnya diantara 10 baris minimum hingga satu muka surat maksimum. Selain itu, penilaian markah bagi setiap soalan adalah dengan mengambil kira kualiti hafazan, kelancaran bacaan, sebutan dan makhraj serta hukum tajwid mengikut rubrik pemarkahan yang telah ditetapkan.

Bagi ujian penilaian kedua pula iaitu ujian bertulis atau dikenali sebagai ujian tahriri juga dilaksanakan kepada pelajar. Ujian tahriri ini bertujuan untuk menguji tahap kemahiran pelajar dalam menulis mushaf al-Quran disamping menguji tahap kualiti hafazan pelajar. Kaedah pelaksanaan ujian bertulis ini menggunakan set soalan yang sama bagi semua pelajar dengan mengambil kira tahap hafazan minimum dari kumpulan kelas tersebut. Ujian bertulis ini mempunyai satu soalan yang wajib iaitu soalan daripada awal juzuk dan satu soalan pilihan untuk dijawab iaitu soalan daripada awal hizb atau maqra'. Jumlah jawapan bagi setiap soalan hendaklah diantara 10 baris ayat hingga satu muka surat sahaja. Penilaian markah adalah berdasarkan kepada ketepatan ayat, kaedah penulisan dan pemilihan huruf yang tepat mengikut rasm uthmani. (UiTM, 2019b)

4.0 Data Pencapaian Pelajar Kumpulan Pertama Program Plus Tahfiz

Jadual 4: Bilangan Pelajar Tamat Program Plus Tahfiz Kumpulan Pertama Januari 2021

| Bil | Peringkat Pengajian | Kampus | Bil Pelajar | | |
|--------------------|---------------------|---------------|---------------------|-------------|----|
| 1 | Diploma | Tapah | 48 | | |
| | | Seri Iskandar | 8 | | |
| | | Pasir Gudang | 18 | | |
| | | Segamat | 16 | | |
| | | Sungai Petani | 3 | | |
| | | Kuala Pilah | 34 | | |
| | | Seremban 3 | 6 | | |
| | | Rembau | 8 | | |
| | | Bertam | 6 | | |
| | | Arau | 10 | | |
| | | Dungun | 24 | | |
| | | 2 | Ijazah Sarjana Muda | Shah Alam | 44 |
| | | | | Kuala Pilah | 1 |
| Jumlah Keseluruhan | | | 226 | | |

Sumber: UiTM 2021b

Jadual 4 menunjukkan taburan bilangan pelajar yang berjaya menamatkan Program Plus Tahfiz bagi kumpulan pertama Januari 2021 dari 13 buah UiTM seluruh negara, melibatkan jumlah keseluruhan seramai 226 orang pelajar kesemuanya. Kumpulan pecahan ini menunjukkan satu komitmen dan penerimaan yang baik kalangan pelajar untuk mempertahankan dan mengekalkan hafalan al-Quran mereka walaupun dalam kesibukan memenuhi keperluan pengajian akademik semasa. Jika dilihat pada jadual 4 tersebut, UiTM Cawangan Tapah telah berjaya melahirkan seramai 48 orang pelajar dalam Program Plus Tahfiz UiTM ini diikuti UiTM Shah Alam seramai 44 orang. Bilangan ini pastinya tidak dapat dicapai sekiranya tiada inisiatif daripada pelajar untuk menjaga hafalan sedia ada mereka, selain dibantu komitmen pensyarah yang mengendalikan Program Plus Tahfiz UiTM ini. Justeru, melalui taburan dan pecahan kumpulan Pelajar Tamat Program Plus Tahfiz bagi Kumpulan Pertama Januari 2021 ini boleh dijadikan sebagai suatu titik permulaan untuk Program Plus Tahfiz UiTM ini terus dipergiatkan.

4.1 Data Tahap Pencapaian Hafazan

Berikut merupakan data tahap pencapaian hafazan bagi pelajar Diploma dan Ijazah Sarjana Muda yang mengikuti program Plus Tahfiz UiTM bagi seluruh kampus UiTM di Malaysia.

Jadual 5: Tahap Pencapaian Hafazan Pelajar Diploma

| Juzuk | 1-5 | 6-10 | 11-15 | 16-20 | 21-25 | 26-30 |
|------------------|-------|------|-------|-------|-------|-------|
| Bilangan Pelajar | 72 | 58 | 12 | 7 | 13 | 19 |
| Peratusan | 39.7% | 32% | 6.6% | 3.8% | 7.1% | 10.4% |

Sumber: UiTM. (2021c)

Jadual 5 menunjukkan tahap pencapaian hafazan bagi pelajar diploma iaitu seramai 181 orang pelajar yang mengikuti program plus tahfiz. Dapatan menunjukkan seramai

19 orang telah memperdengarkan hafazan 26 hingga 30 juzuk (10.4%), 13 orang 21 hingga 25 juzuk (7.1%), 7 orang 16 hingga 20 juzuk (3.8%), 12 orang 11-15 juzuk (6.6%), 58 orang 6-10 juzuk (32%) dan 72 orang 1-5 juzuk (39.7). Dapatan ini memperlihatkan 21.3% pelajar berjaya memperdengarkan 16 hingga 30 juzuk melalui platform program plus tahfiz ini. Pencapaian ini boleh dikatakan sebagai satu pencapaian yang baik sebagai hasil pelaksanaan kali pertama sejak program ini ditubuhkan. Apa yang penting dalam pelaksanaan program ini adalah pelajar dapat mengekal dan mempertahankan hafazan walaupun mereka menyambung pengajian dalam pelbagai aliran akademik di UiTM.

Jadual 6: Tahap Pencapaian Hafazan Pelajar Ijazah

| Juzuk | 1-5 | 6-10 | 11-15 | 16-20 | 21-25 | 26-30 |
|------------------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|
| Bilangan Pelajar | 6 | 21 | 15 | 3 | 0 | 0 |
| Peratusan | 13.3% | 46.6% | 33.3% | 6.6% | 0% | 0% |

Sumber: UiTM. (2021c)

Jadual 6 menunjukkan tahap pencapaian hafazan bagi pelajar ijazah iaitu seramai 45 orang pelajar yang mengikuti program plus tahfiz. Dapatan menunjukkan seramai tiga orang telah memperdengarkan bacaan hafazan 16 hingga 20 juzuk (6.6%), 15 orang 11-15 juzuk (33.3%), 21 orang 6 hingga 10 juzuk (46.6%) dan enam orang 1 hingga 5 juzuk (13.3%).

4.2 Data Pencapaian Mengikut Kursus Plus Tahfiz (HKR119-HKR159)

Berikut merupakan data pencapaian mengikut kursus Plus Tahfiz HKR119, HKR129, HKR139, HKR149 dan HKR159 bagi pelajar Diploma dan Ijazah Sarjana Muda yang mengikuti program Plus Tahfiz UiTM bagi seluruh kampus UiTM di Malaysia.

Jadual 7: Tahap Pencapaian Kursus Kokurikulum Program Plus Tahfiz Pelajar Diploma

| Kod Kursus | HKR119 | | HKR149 | | HKR159 | |
|--------------|--------|-------|--------|-------|--------|-------|
| | Lulus | Gagal | Lulus | Gagal | Lulus | Gagal |
| Gred Pelajar | 181 | 0 | 181 | 0 | 181 | 0 |
| Peratusan | 100% | 0% | 100% | 0% | 100% | 0% |

Sumber: UiTM. (2021c)

Jadual 7 menunjukkan tahap pencapaian pelajar yang mengambil kursus kokurikulum program plus tahfiz bagi pelajar diploma. Dapatan menunjukkan kesemua pelajar 181 orang lulus dalam ketiga-tiga kursus kokurikulum ini iaitu HKR119, HKR 149 dan HKR159.

Jadual 8: Tahap Pencapaian Kursus Kokurikulum HKR129 Program Plus Tahfiz Pelajar Diploma

| Kod Kursus | HKR129 | | | | | |
|--------------|--------|--------|--------|-------|-------|-------|
| | A+ | A | A- | B+ | B | B- |
| Gred Pelajar | 43 | 76 | 38 | 13 | 3 | 7 |
| Peratusan | 23.70% | 41.90% | 20.90% | 7.18% | 1.65% | 3.86% |

Sumber: UiTM. (2021c)

Jadual 8 di atas menunjukkan tahap pencapaian pelajar diploma yang mengambil kursus kokurikulum HKR129 program plus tahfiz. Dapatan menunjukkan seramai 43 orang yang berjaya mendapat gred A+ (23.70%), 76 orang gred A (41.90%), 38 orang gred A- (20.90%), 13 orang B+ (7.18%), tiga orang gred B (1.65%), dan tujuh orang gred B- (3.86%).

Jadual 9: Tahap Pencapaian Kursus Kokurikulum HKR139 Program Plus Tahfiz Pelajar Diploma

| Kod Kursus | HKR139 | | | | | |
|------------|--------|--------|-------|-------|-------|-------|
| Gred | A+ | A | A- | B+ | B | B- |
| Pelajar | 72 | 79 | 15 | 7 | 7 | 1 |
| Peratusan | 39.70% | 43.60% | 8.28% | 3.86% | 3.86% | 0.55% |

Sumber: UiTM. (2021c)

Jadual 9 di atas menunjukkan tahap pencapaian pelajar diploma yang mengambil kursus kokurikulum HKR139 program plus tahfiz. Dapatan menunjukkan seramai 72 orang mendapat gred A+ (39.70%), 79 orang gred A (43.60%), 15 orang gred A- (8.28%), tujuh orang B+ (3.86%), tujuh orang B (3.86%) dan seorang B- (0.55%).

Jadual 10: Tahap Pencapaian Kursus Kokurikulum Program Plus Tahfiz Pelajar Ijazah Sarjana Muda

| Kod Kursus | HKR119 | | HKR149 | | HKR159 | |
|------------|--------|-------|--------|-------|--------|-------|
| Gred | Lulus | Gagal | Lulus | Gagal | Lulus | Gagal |
| Pelajar | 45 | 0 | 45 | 0 | 44 | 1 |
| Peratusan | 100% | 0% | 100% | 0% | 98% | 2% |

Sumber: UiTM. (2021c)

Jadual 10 menunjukkan tahap pencapaian pelajar yang mengambil kursus kokurikulum program plus tahfiz bagi pelajar ijazah. Dapatan menunjukkan kesemua pelajar 45 orang lulus dalam dua kursus kokurikulum ini iaitu HKR119, HKR 149. Manakala bagi kursus HKR159 pula, 44 orang pelajar lulus dan seorang gagal dalam kursus tersebut.

Jadual 11: Tahap Pencapaian Kursus Kokurikulum HKR129 Program Plus Tahfiz Pelajar Ijazah Sarjana Muda

| Kod Kursus | HKR129 | | | | | | |
|------------|--------|--------|-------|-------|-------|-------|-------|
| Gred | A+ | A | A- | B+ | B | B- | C+ |
| Pelajar | 11 | 24 | 2 | 1 | 4 | 2 | 1 |
| Peratusan | 24.40% | 53.30% | 4.44% | 2.22% | 8.88% | 4.44% | 2.22% |

Sumber: UiTM. (2021c)

Jadual 11 di atas menunjukkan tahap pencapaian pelajar ijazah yang mengambil kursus kokurikulum HKR129 program plus tahfiz. Dapatan menunjukkan seramai 11 orang pelajar mendapat gred A+ (24.40%), 24 orang gred A (53.30%), dua orang gred A- (4.44%), seorang B+ (2.22%), empat orang gred B (8.88%), dua orang gred B- (4.44%) dan seorang gred C+ (2.22%)

Jadual 12: Tahap Pencapaian Kursus Kokurikulum HKR139 Program Plus Tahfiz Pelajar Ijazah Sarjana Muda

| Kod Kursus | HKR139 | | | | | |
|------------|--------|---|----|----|---|----|
| Gred | A+ | A | A- | B+ | B | B- |

| | | | | | | |
|-----------|--------|--------|-------|-------|-------|--------|
| Pelajar | 15 | 18 | 4 | 1 | 0 | 7 |
| Peratusan | 33.30% | 40.00% | 8.88% | 2.22% | 0.00% | 15.50% |

Sumber: UiTM. (2021c)

Jadual 12 di atas menunjukkan tahap pencapaian pelajar ijazah yang mengambil kursus kokurikulum HKR139 program plus tahfiz. Dapatan menunjukkan seramai 15 orang pelajar mendapat gred A+ (33.30%), 18 orang gred A (40%), empat orang gred A- (8.88%) dan tujuh orang gred B- (15.50%).

4.3 Pencapaian CGPA Pelajar

Berikut merupakan data pencapaian CGPA bagi pelajar Diploma dan Ijazah Sarjana Muda yang mengikuti program Plus Tahfiz UiTM bagi seluruh kampus UiTM di Malaysia.

Jadual 13: Purata CGPA Pelajar Diploma yang Mengikuti Program Plus Tahfiz

| CGPA | 3.5-4.0 | 3.0-3.49 | <3.0 |
|-----------|---------|----------|--------|
| Pelajar | 84 | 73 | 24 |
| Peratusan | 46.40% | 40.30% | 13.20% |

Sumber: UiTM. (2021c)

Jadual 13 di atas menunjukkan purata CGPA pelajar diploma yang mengikuti program plus tahfiz. Dapatan menunjukkan seramai 84 orang mendapat CGPA 3.5-4.0 (46.40%), 73 orang CGPA 3.0-3.49 (40.30%) dan 24 orang CGPA kurang 3.0 (13.20%). Secara kesimpulannya dapat dilihat, terdapat keseimbangan di antara keputusan purata CGPA pelajar 3.0 hingga 3.49 dan juga purata 3.5 hingga 4.0. Ini menunjukkan bahawa rata-rata pelajar Diploma UiTM yang mengikuti Program Plus Tahfiz UiTM ini mempunyai satu tahap kompetensi dan konsistensi yang baik dalam kedua-dua aliran, samada aliran akademik dan juga aliran Tahfiz yang diikuti. Walaupun Program Plus Tahfiz UiTM ini hanya lah satu program yang ditawarkan melalui penglibatan kokurikulum, namun ianya masih mempunyai jam kredit tersendiri yang perlu dipenuhi dengan baik. Ini kerana jam kredit ini juga mampu memberi kesan pada keseluruhan purata CGPA pengajian sekiranya mereka tidak dapat menyelesaikannya dengan baik. Justeru, adalah satu pencapaian yang baik bagi pelajar kohort pertama ini kerana mereka mampu membawa kedua-dua aliran dalam sesi pengajian akademik mereka di UiTM, dan dalam masa yang sama mampu mengekalkan hafalan sedia ada.

Jadual 14: Purata CGPA Pelajar Ijazah Sarjana Muda yang Mengikuti Program Plus Tahfiz

| CGPA | 3.5-4.0 | 3.0-3.49 | <3.0 |
|-----------|---------|----------|-------|
| Pelajar | 26 | 16 | 3 |
| Peratusan | 57.70% | 35.50% | 6.66% |

Sumber: UiTM. (2021c)

Jadual 14 di atas menunjukkan purata CGPA pelajar ijazah yang mengikuti program plus tahfiz. Dapatan menunjukkan seramai 26 orang mendapat CGPA 3.5-4.0 (57.70%), 16 orang CGPA 3.0-3.49 (35.50%) dan tiga orang CGPA bawah 3.0 (6.66%). Secara kesimpulannya berdasarkan Jadual 14, rata-rata pelajar Ijazah UiTM yang mengikuti

Program Plus Tahfiz UiTM ini mampu mendapatkan hasil purata CGPA yang baik iaitu dalam julat 3.5 hingga 4.0, jika dibandingkan dengan julat purata 3.0 hingga 3.49. Namun positifiti yang dapat dilihat adalah, hanya 3 orang sahaja pelajar yang mendapat purata CGPA di bawah 3.0. Ini menunjukkan suatu tahap pencapaian yang baik pada peringkat awal pelaksanaan Program Plus Tahfiz kerana diakui bahawa pengajian peringkat Ijazah merupakan suatu fasa pengajian yang mempunyai tahap kesusahan dan kerumitan yang tersendiri. Namun apabila rata-rata pelajar mampu mendapatkan hasil purata CGPA yang tinggi ini, ianya boleh dijadikan sebagai suatu indikator awal untuk lebih memberikan motivasi kepada bakal-bakal pelajar Ijazah akan datang di UiTM yang datang dari latar belakang aliran tahfiz, untuk memilih Program Plus Tahfiz UiTM ini sebagai suatu platform pilihan mereka dalam usaha mengekalkan hafalan sedia ada.

5.0 Kesimpulan

Pada keseluruhannya, pelaksanaan Program Plus Tahfiz UiTM ini menunjukkan satu tahap yang baik dari aspek penyertaan pelajar dan juga hasil pencapaian akhir iaitu melihat pada tahap hafazan dan pengajian akademik. Asas yang dapat dilihat adalah, wujud keseimbangan pembawakan kalangan pelajar terhadap kedua-dua aliran pengajian iaitu Tahfiz dan akademik. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, Program Plus Tahfiz UiTM ini adalah satu penawaran kursus kokurikulum pada pelajar. Justeru, pastinya memerlukan komitmen yang tinggi daripada pelajar untuk terus konsisten dalam program ini. Namun dapatan menunjukkan pencapaian yang baik kalangan pelajar pada tahap hafazan sedia ada dan juga tahap pencapaian akademik yang mereka sedang lalui. Ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar yang mengikuti Program Plus Tahfiz UiTM mampu untuk konsisten dalam kedua-dua aliran yang mereka ceburi. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan program ini telah menunjukkan impak yang baik dari sudut pelajar itu sendiri dalam mengekalkan hafazan sedia ada serta di peringkat UiTM untuk terus mempergiatkan usaha ini. Cadangan bagi kajian lanjutan berkaitan dengan pencapaian Program Plus Tahfiz boleh diperluaskan dalam melihat tahap kompetensi kualiti hafazan sebelum dan selepas mengikut Program Plus Tahfiz UiTM selama 5 semester.

Rujukan

- Ab. Fatah Hasan. (1994). *Penggunaan Minda yang Optimum Dalam Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamaruddin, M. (2017). *Jangan paksa anak jadi doktor*. Utusan Malaysia. <https://madeinuitm.com/jangan-paksa-anak-jadi-doktor/> 17 Julai 2021.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif in Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012 at Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012*. Organized by Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim.
- Muhammad Zulazizi Mohd Nawi, Mohd Rashidi Omar, Muhammad Amirul Mohd Nor. (2021). *Sistem Pendidikan Tahfiz di Malaysia, Pilihan Ibu Bapa Dan Warisan Pendidikan Islam Andalus: Satu Sorotan*. *Asian People Journal (APJ)*, 4(1), 132-147.
- Muriyah Abdullah, Abdul Hafiz Abdullah, Arieff Salleh Rosman. (2015). *Pendidikan Tahfiz Negara: Satu Sorotan Sejarah*.

- https://www.researchgate.net/publication/287647511_Pendidikan_Tahfiz_di_Malaysia_Satu_Sorotan_Sejarah 17 Julai 2021.
- Noorhisham Md Nawi, Nur Azuki Yusuff, Mohd Binyamin Che Yaacob dan Nasrul Hakim Salleh. (2014). *Matlamat Dan Halatuju Sistem Pengajian Tahfiz di Kelantan; Satu Pengamatan Awal* kertas kerja 4th International Conference and Exhibition on Islamic Education (ICIEd 2014). <http://umkeprints.umk.edu.my/6189/> 17 Julai 2021.
- Sabitha Marican. (2009). *Penyelidikan Sains Sosial Pendekatan Pragmatik*. Batu Caves, Selangor: Edusystem Sdn. Bhd.
- Solahuddin Ismail. (2016). *Institusi Tahfiz di Malaysia: Prospek dan Cabaran dalam kertas kerja Simposium Antarabangsa Tahfiz sempena Sambutan 50 Tahun Jubli Emas Darul Quran 2018*. https://www.researchgate.net/publication/310850602_Institusi_Tahfiz_di_Malaysia_Prospek_dan_Cabaran 17 Julai 2021.
- UiTM. (2017). *Peraturan Akademik Diploma dan Sarjana Muda UiTM Pindaan 2017 (Bilangan 1)*. Penerbitan Bahagian Hal Ehwal Akademik. Universiti Teknologi MARA
- UiTM. (2019b). *Garis Panduan Penilaian Akhir.Jawatankuasa Pembangunan dan Penilaian Akademik Plus Tahfiz*. Universiti Teknologi MARA
- UiTM. (2018a). *Cadangan Penawaran Kursus Kokurikulum di Bawah Program Plus Tahfiz untuk peringkat Diploma dan Sarjana Muda Universiti Teknologi Mara dari Bahagian Hal Ehwal Pelajar BHEP*. Universiti Teknologi MARA.
- UiTM. (2018b). *Penawaran Lima Kursus Kokurikulum Baharu 2018 Program Plus Tahfiz*. Universiti Teknologi MARA.
- UiTM. (2018c). *Modul Patriotisme Ko-Kurikulum*. Institut Kepimpinan Pelajar. Bahagian Hal Ehwal Pelajar. Universiti Teknologi MARA.
- UiTM. (2019a). *Maklumat Kursus Program Plus Tahfiz*. Pusat Kokurikulum Bahagian Hal Ehwal Pelajar. Universiti Teknologi MARA.
- UiTM. (2021a). *Garis Panduan Pelaksanaan bagi Program Service-Learning Malaysia-Universiti for Society (SULAM) melalui Kursus SULAM Kokurikulum*. Universiti Teknologi MARA.
- UiTM. (2021b). *Data Maklumat Pelajar Kokurikulum Plus Tahfiz*. Bahagian Penilaian dan Pentaksiran Akademik. Universiti Teknologi MARA.
- UiTM. (2021c). *Analisa Keputusan Prestasi Kursus Kokurikulum Plus Tahfiz Sesi Semester Oktober 2020 - Januari 2021*. Jawatankuasa Akademik Kokurikulum. Pusat Kokurikulum. Universiti Teknologi MARA.
- Ulwan, A. N. (2015). *Tarbiyatul Aulad* (Edisi Terjemahan). Kuala Lumpur: PTS Publications.
- Universiti Kuala Lumpur. (2021). <https://www.unikl.edu.my/campus-lifestyle/ulul-albab/> 17 Julai 2021.
- Universiti Malaysia Pahang. (2018). <https://news.ump.edu.my/general/program-pensijilan-tahfiz-ulul-albab-ump-lahir-teknokrat-hafiz> 17 Julai 2021.
- Universiti Multimedia. (2021). <https://www.mmu.edu.my/sijil-tahfiz-malaysia-stmmu/> 17 Julai 2021.
- Universiti Teknikal Malaysia Melaka. (2021). <https://www.utusan.com.my/berita/2021/05/11-pelajar-utem-bergelar-hafiz-al-quran/> 17 Julai 2021.
- Universiti Tenaga Nasional. (2021). <https://www.uniten.edu.my/programmes/huffaz-professional/jakim-uniten-tahfiz-al-quran-certification-engineering/> 17 Julai 2021